

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

AHLAN WA SAHLAN WA MARHABAN BIKUM

# FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

- Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

# FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

- Suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk **sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT** yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

# Tujuan Pendidikan Islam

Al-Syaibani (1991), dengan memetik beberapa tujuan pendidikan Islam seperti yang dijelaskan oleh beberapa orang pemikir Islam, merumuskan bahwa antara tujuan Pendidikan Islam ialah:

- i) Untuk membantu pembentukan akhlak yang mulia
- ii) Persiapan untuk kehidupan dunia dan kehidupan akhirat.
- iii) Persiapan untuk mencari rezeki dan pemeliharaan segi-segi kemanfaatan
- iv) Menumbuhkan roh ilmiah (*scientific spirit*) pada pelajar dan memuaskan keinginan erti untuk mengetahui (*curiosity*).
- v) Menyiapkan pelajar dari segi profesional, teknik dan perusahaan supaya ia dapat menguasai profession tertentu, supaya ia dapat mencari rezeki dalam hidup dan hidup dengan mulia di samping memelihara dari segi kerohanian dan keagamaan.

# Peranan Guru

- Saedah Hj. Siraj *et al.*, (1993), menyatakan bahawa guru bukan sahaja berperanan sebagai penyalur ilmu pengetahuan, bahkan juga berfungsi sebagai pengembang dan pengukuh kemahiran para pelajarnya.
- Azizah Lebai Nordin (1999) menekankan bahawa, seorang guru yang berkesan seharusnya mengetahui segala aspek yang terdapat dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam. Beliau bukan sahaja harus meneliti pelbagai tajuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran, malah perlu mengetahui falsafah dan objektif Pendidikan Islam. Hanya dengan mengetahui falsafah dan matlamat sukatan pelajaran tersebut, guru dapat membawa anak didiknya ke arah matlamat yang hendak dicapai.

# sambungan...

- Selain daripada menguasai ilmu yang berkaitan dengan isi kandungan pelajaran, para guru juga perlu menguasai pedagogi kerana dapat mendedahkan mereka kepada cara membuat perancangan yang berkesan yang merangkumi aspek persediaan pengajaran, penyampaian pengajaran, strategi pengajaran, penilaian pengajaran dan hubungan guru dengan murid.
- Seorang guru yang menguasai isi kandungan mata pelajaran yang hendak diajar, tetapi tidak dapat menguasai strategi dan kaedah pengajaran, tidak dapat menyampaikan pengajarannya dengan berkesan. Umpamanya seorang guru yang hendak mengajar ibadah yang berkaitan dengan cara berwudu', cara bertayammum dan cara mengerjakan solat tetapi menggunakan kaedah syarahan sahaja tanpa menggunakan tunjuk cara, sudah tentu pengajarannya tidak berkesan

# Pengajaran & Pembelajaran

- Menurut Sidi Gazala (1970), pengajaran ialah memberikan pengetahuan kepada manusia yang ditampung dan disimpan di dalam otak.
- Konsep pengajaran ialah suatu proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran supaya murid-murid dapat mempelajari dan menguasainya dengan betul. Pembelajaran pula ialah suatu proses bagaimana murid-murid memperoleh, menyusun, menyimpan dan menggunakan sesuatu ilmu pengetahuan atau kemahiran yang diajarkan.
- Tajul Ariffin Noordin (1988) menjelaskan kejayaan manusia adalah bergantung kepada keupayaan memilih proses pembelajaran yang paling sesuai dalam kehidupannya. Menurut beliau lagi, hanya menerusi pembelajaran yang baik dan sihat, manusia akan terus maju dan membangun dari satu tamadun ke tamadun yang lain. Perhubungan pengajaran dan pembelajaran begitu rapat kerana kedua-duanya berjalan serentak pada satu masa.

# sambungan...

- Tanpa murid, guru tidak dapat mengajar; tanpa guru, murid tidak mengetahui bagaimana belajar.
- Connell (1981) menjelaskan bahawa proses mengajar-belajar merupakan satu interaksi dinamik antara guru dan murid, malahan guru dan murid masing-masing saling mempengaruhi antara satu sama lain. Malah, keberkesanan pengajaran bergantung kepada kebolehan menggunakan kemahiran mengajar yang berjaya memudahkan aktiviti pembelajaran murid.




# sambungan....

- Malah Nabi Muhammad SAW sendiri telah menggunakan pelbagai teknik antaranya teknik tunjukcara/demonstrasi untuk mengajar ibadah solat kepada para sahabat baginda sepertimana yang tersebut dalam hadis yang bermaksud: "*Sembahyanglah kamu semua seperti mana kamu melihat aku sembahyang*". Kemudian Rasulullah SAW mendirikan solat di hadapan mereka agar mereka dapat melihat, memerhati dan kemudian meniru perbuatan baginda (Ariffin, 1991). Sebagai seorang pendidik, maka sudah tentulah guru Pendidikan Islam boleh menggunakan teknik yang telah dianjurkan oleh Baginda SAW.


# Pendekatan Pend. Islam

- Al-Qardawi (1980), seorang tokoh pemikir Islam kontemporari, menyatakan bahawa aspek amali dan penghayatan merupakan antara asas utama dalam pendidikan Islam. Menurut beliau, pendidikan atau pembelajaran yang dilakukan melalui latihan dan aplikasi secara langsung mempunyai hubungan atau memberi kesan yang baik kepada pelajar dan seterusnya dapat memantapkan lagi ilmu dan kemahiran yang dipelajari.
- Hasan Langgulung (1991) menjelaskan bahawa fungsi utama pendidikan untuk memindahkan nilai-nilai, ilmu dan kemahiran dari satu generasi ke satu generasi menerusi proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah satu perkara yang mudah. Menurut beliau lagi proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan pelbagai kaedah dan teknik yang betul dan berkesan.

# Konsep Pengajaran & Pembelajaran



Proses pengajaran meliputi :




# Pencapaian Objektif dan Hasil Pembelajaran


- Perlu menggunakan pendekatan, kaedah, teknik, strategi dan model-model pengajaran yang sesuai
- Harus mengetahui konsep tersebut agar pengajaran yang dijalankan berkesan dan objektif yang disasarkan tercapai.

# Definisi Pembelajaran

- Pembelajaran merupakan aktivitas mental, fisik, emosi dan rohani kepada diri pelajar itu sendiri.
- Proses Pembelajaran meliputi:



# Kaitan Antara Konsep



# Definisi Strategi

- Kebijakan guru dalam memilih pendekatan, merancang kaedah dan teknik dalam satu-satu pengajaran berdasarkan objektif pelajaran yang ditentukan.
- Strategi merupakan rancangan sesuatu tindakan / operasi yang berkesan.
- Sesuatu strategi perlu merangkumi perkara berikut:
  - \* Penentuan pendekatan
  - \* Pemilihan kaedah/teknik, teori, model pengajaran
  - \* Pengurusan masa dan langkah-langkah
  - \* Pengurusan bahan
  - \* Pengurusan kelas.

## sambungan....

- Al-Quran telah memulakan penggunaan *iqra'* (baca) dan *qalam* (tulisan) sebagai satu strategi asas dalam pengajaran dan pembelajaran.
- Pelbagai strategi pembelajaran lain seperti *kitabah*, *ziadah al-'ilm* dan *amalan solihan* dalam kursus Pengajian Islam diambil daripada al-Quran yang secara khususnya membawa maksud; segala usaha yang dilakukan untuk mencapai matlamat dan maksud pengajaran yang dirancangkan.



# Antara Strategi Utama P & P

- Pemusatan Guru
- Pemusatan Pelajar
- Berasaskan Sumber

# Definisi Pendekatan


- Cara kita mendekati sesuatu / cara bagaimana sesuatu mata pelajaran diajarkan berdasarkan objektifnya
- Cara kita mendekati pelajar perlu berlandaskan model pengajaran, prinsip dan teori-teori pembelajaran, contohnya:
  - \* konkrit kepada abstrak
  - \* mudah kepada kompleks
  - \* keseluruhan kepada bahagian

sambungan...

- \* Umum kepada spesifik / sebaliknya
- \* Dekat kepada jauh
- \* Diketahui kepada belum diketahui


# Pendekatan yang biasa digunakan dalam Pendidikan Islam

- **Induktif (*istiqra*)**: Dari khusus kepada umum ( dari fakta kepada kesimpulan / rumusan)
  - Guru memulakan pengajarannya dengan memberikan contoh yang khusus tetapi mengandungi prinsip yang sama. Berdasarkan kepada contoh-contoh yang diberikan, pelajar-pelajar dibimbing memikir, mengkaji, mengenalpasti dan mentafsir maklumat yang terkandung dalam contoh-contoh khusus itu, kemudian membuat generalisasi atau kesimpulan yang berkenaan.




sambungan...

- **Deduktif (*istinbat*)** : Dari umum kepada khusus ( contoh-contoh kepada fakta)
  - Guru memberitahu pelajar objektif pelajaran pada peringkat awal. Pelajar dibimbing mengingat kembali hukum, prinsip, teori atau peraturan yang berkaitan untuk membolehkan mereka menyelesaikan masalah atau mendapatkan kesimpulan yang baru.



sambungan...

- **Pendekatan Eklektik:** Menggabungkan kedua-dua pendekatan awal yang lalu (induktif & deduktif).
- Guru tidak terikat dengan mana-mana pendekatan secara rigid tetapi pengajarannya lebih luas dan mudah diubahsuai mengikut kesediaan pelajar pada waktu itu.



sambungan...

- **Pendekatan Tematik:** Guru mengenal pasti tema-tema yang hendak dijadikan idea utama pengajaran bagi suatu jangka masa. Tema-tema yang dipilih perlulah sesuai dengan peringkat umur pelajar. Daripada tema yang dipilih, guru perlu menyenaraikan beberapa tajuk kecil yang berkaitan dengan tema tersebut. Contohnya;



sambungan...

- **Pembelajaran Masteri:** Pendekatan mengajar yang bertujuan memastikan pelajar betul-betul menguasai isi pelajar dengan baik sebelum beralih kepada peringkat yang lebih tinggi.
- Berlandaskan kepercayaan bahawa semua pelajar dilahirkan dengan keupayaan memperoleh ilmu pengetahuan dan boleh menguasai sesuatu kemahiran atau perkara yang diajar dengan baik dan sempurna sekiranya diberi peluang melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dalam masa yang mencukupi.
- Elemen penting dalam pendekatan masteri adalah aspek penilaian. (penting sbkm beralih tajuk lain)





# Definisi Kaedah

- Satu siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajar yang spesifik dalam jangka pendek / cara mencapai hasil pembelajaran dengan menggunakan langkah-langkah yang tersusun.
- Kaedah juga bermaksud;
  - a) *Turuq at-ta'lim* – cara atau jalan yang digunakan dalam pengajaran.
  - b) *Tasykil al-maddah* – bentuk atau jenis yang juga disebut sebagai cara yang munasabah dengan akal yang berguna dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
  - c) *Tariqah al-ta'lim wa ta'alum takhassus at-tolabah* – teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang tertentu yang digunakan kepada penuntut.

## sambungan...

- d) *Tariqah at-Tadris* – cara-cara untuk menyampaikan kandungan isi pelajaran kepada pelajar.
- e) *Suluk* – jalan untuk menyampaikan kepada ilmu yang mencakupi ruh, akal dan jasmani.
- d) *Ibrah* – yang mengandung peraturan dan teknik-teknik tertentu.

# Kaedah Pengajaran Nabi SAW

- Kuliah
- Khutbah
- Dialog
- Soal Jawab
- Hafazan
- Mujadalah
- Gambaran
- Amali
- Halaqah
- Tikrar

# Kaedah Pengajaran Pend. Islam

- **Ibnu Khladun** : *tardid* (ulang sebut), *sama'* (dengar), *ijtima' al-watan*. [m.pelajaran bahasa]
- **Ibnu Sina** : Huraian, perbandingan dan perkaitan, kesimpulan dan generalisasi, implikasi, penyelesaian masalah dan inkuiri.
- **Al-Ghazali** : *munaqasah* (perbincangan), *al-adwar* (main peranan).
- **As-Syafie** : *imla* (salin), *nazar wa istima* (pandang dengar), *kalam* (dialog), *qiraah* dan *kitabah*. [m.pelajaran bahasa]
- Kaedah *talaqqi musyafahah*, *tikrar*, *hafz* secara *baghdadi* atau *qiraati*. [m.pelajaran al-Quran]

# Definisi Teknik

- Kemahiran guru dalam pengelolaan dan pelaksanaan kaedah mengajar dalam sesuatu aktiviti p & p.
- Teknik merujuk kepada satu muslihat / strategi yang digunakan oleh guru untuk mencapai hasil pembelajaran secara optimum.
- Teknik perlu dipelbagaikan kerana kecerdasan / kebolehan / gaya pembelajaran pelajar adalah berbeza

# Teknik Perbincangan

- Melibatkan aktiviti perbualan di antara guru dan pelajar dalam kelas, atau suatu jenis aktiviti pembelajaran secara bertukar-tukar fikiran atau idea serta berkongsi maklumat tentang sesuatu perkara melalui perbualan di bawah penyeliaan guru.
- Prinsip-prinsip Perbincangan;
  - a) Memilih topik yang berasaskan kepada pengalaman, kebolehan serta minat pelajar.
  - b) Elakkan topik yang mengandungi isu sensitif
  - c) Menggalakkan pelajar mengambil bahagian secara aktif
  - d) Mencatat idea-idea yang disarankan
  - e) Memuji pelajar yang mengambil bahagian (kecintaan)
  - f) Guru membuat kesimpulan

# Teknik Sumbang saran

- Juga dikenali sebagai percambahan fikiran (*brainstorming*) yang membolehkan setiap ahli kumpulan / kelas menyumbangkan pendapat dan idea terhadap sesuatu topik perbincangan.
- Mendapatkan idea yang boleh memberi penyelesaian kepada sesuatu masalah yang dibincangkan.



# Teknik Tunjuk Cara (Demonstrasi)

- Suatu teknik mengajar di mana seorang guru atau orang lain yang sengaja diminta atau pelajar sendiri memperlihatkan pada seluruh kelas tentang suatu proses atau cara melaksanakan sesuatu.
- Antara ciri-ciri istimewa teknik demonstrasi ialah ianya mengutamakan aspek kemahiran, menggalakkan penglibatan pelajar, memberi peluang kepada pelajar untuk mendengar dan melihat dan ianya mempunyai kaitan secara langsung antara teori dan juga praktik

# Teknik Simulasi

- Pelajar akan menjalankan aktiviti pembelajaran dengan cara melakonkan sesuatu situasi atau peristiwa secara berpura-pura dalam suatu keadaan yang teratur.
- Guru perlu memastikan pelajar lain benar-benar menumpukan perhatian terhadap aktiviti lakonan tersebut.
- Selepas sesi simulasi, guru hendaklah meminta pelajar memberi pandangan tentang cara penyelesaian masalah seperti yang ditunjukkan dalam lakonan.

# Klasifikasi Strategi Pengajaran Pembelajaran

## Pemusatan Guru

### Kaedah dan teknik:

- Demonstrasi
- Syarahan
- Pengajaran berkumpulan
- Pengajaran mikro
- Bercerita
- Keseluruhan kelas

## Pemusatan Bahan

### Kaedah dan teknik:

- Audio-visual
- Penggunaan komputer
- Penggunaan bahan cetak
- P & P kesepaduan
- Modul berkaitan
- Penggunaan buku teks dan buku rujukan

## Pemusatan Murid

### Kaedah dan teknik :

- Projek
- Inkuiri-penemuan
- Perbincangan
- Penyoalan
- Penyelesaian masalah
- Simulasi
- Sumbangsan
- Kumpulan
- Pembelajaran melalui pengalaman

# Rancangan Pengajaran Harian

- Segala butiran adalah lengkap; mata pelajaran, kelas, tarikh, masa, bilangan murid, tajuk, kemahiran.
- Penulisan objektif atau hasil pembelajaran yang sesuai dan khusus / mengikut huraian sukatan / mengikut aras.
- Setiap langkah dirancang dan boleh dilaksanakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.
- Menulis isi kandungan pelajaran dan aktiviti dengan lengkap dan jelas ( set induksi – langkah – penilaian (formatif/sumatif) – penutup)
- Menulis atau melampirkan soalan latihan / tugas (sekiranya ada)
- Menulis / melampirkan juga BBM yang akan digunakan.
- RPH yang baik boleh digunakan oleh sesiapa sahaja untuk mengajar tajuk tersebut.

# Aras Kognitif Bloom

1. **Pengetahuan** ; mengingat kembali (menghafal)
2. **Kefahaman** ; kebolehan memberi penghuraian atau makna kepada sesuatu perkara.
3. **Aplikasi** ; penggunaan maklumat atau ceraian maklumat dalam keadaan yang khusus atau konkrit.
4. **Analisa** ; kebolehan memecahkan perkara-perkara yang telah dipelajari kepada bahagiannya tertentu, supaya susunan dan perkaitan pecahan tadi dapat difahami.
5. **Sintesis** ; Kebolehan menggabungkan pecahan-pecahan kecil kepada satu bahagian besar dan yang baru.
6. **Penilaian** ; Kebolehan mempertimbangkan nilai sesuatu untuk sesuatu tujuan tertentu.

# Hasil Pembelajaran Mengikuti Aras

- **Aras 1:** Aras ini bertujuan memenuhi keperluan golongan pelajar pencapaian rendah. Ia merupakan aras yang paling mudah yang mesti dikuasai oleh keseluruhan pelajar. Bimbingan dan dorongan dengan aktiviti yang sewajarnya perlu diberi untuk mencapai penguasaan hasil pembelajaran aras 1, iaitu tahap yang paling rendah.
- **Aras 2:** Aras sederhana yang perlu dikuasai oleh pelajar yang mempunyai aras kebolehan yang sederhana. 60% - 70% daripada keseluruhan pelajar dalam kelas sepatutnya menguasai tahap ini.
- **Aras 3:** Aras paling tinggi. Ia perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar pencapaian tinggi. Selalunya 15% - 20% pelajar yang diajar boleh menguasai aras ini.

**SEKIAN  
&  
TERIMA KASIH**